



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1603**

**AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 4 September 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 10 September 2019

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1603

### AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019.

(2) Seksyen 3 Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pindaan Perkara 47**

2. Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 47, dalam perenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”.

**Pindaan Perkara 119****3. Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dipinda—**

- (a) dalam Fasal (1), dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”; dan
- (b) dalam Fasal (4), dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “memohon supaya didaftarkan” dengan perkataan “didaftarkan”.

**Pindaan Jadual Kelapan**

**4. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam seksyen 5 dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”.**